

24 MAY 2003

Mahathir-MCA

BN TERIMA PELANTIKAN KA TING DAN KONG CHOY: DR MAHATHIR

PULAU PINANG, 24 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyambut baik pelantikan Datuk Seri Ong Ka Ting dan Datuk Chan Kong Choy sebagai presiden dan timbalan presiden baru MCA.

Perdana Menteri yang juga pengerusi Barisan Nasional melahirkan keyakinan kedua-dua pemimpin itu dapat melaksanakan tanggungjawab mereka kerana walaupun agak muda tetapi mempunyai banyak pengalaman dalam parti dan kerajaan.

Sambil berkata BN menerima pelantikan itu, Dr Mahathir menegaskan pelantikan mereka diharap dapat mengukuhkan perpaduan MCA yang dilanda krisis kepimpinan.

"Ya, mereka muda tetapi mempunyai banyak pengalaman, mereka sudah lama berada dalam parti (MCA) dan sudah biasa bekerja dalam kerajaan," katanya kepada pemberita di sini ketika diminta mengulas mengenai pelantikan itu.

Jawatankuasa Pusat MCA membuat pelantikan itu semalam setelah gagal memujuk Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan timbalannya Datuk Lim Ah Lek supaya menarik balik peletakan jawatan masing-masing.

Ong, 47, naib presiden dan anggota majlis presiden MCA ialah penyokong Dr Ling yang dikenali sebagai kumpulan A manakala Chan, 48, juga naib presiden dan anggota majlis berkenaan, dikatakan penyokong Lim dari kumpulan B.

Pelantikan mereka berkuatkuasa serta merta sehingga pemilihan parti itu pada 2005 dan merupakan jalan penyelesaian terhadap krisis kepimpinan parti itu apabila Dr Ling dan Lim tidak dapat sehaluan.

Dr Mahathir berkata BN menerima pelantikan mereka berdua kerana ianya adalah keputusan MCA dan bagi BN cuma ada satu MCA.

"Bagi kita tidak ada dua MCA, cuma ada satu. Kita tidak iktiraf A atau B.

"Yang kita tahu sekarang ini ada seorang presiden baru MCA dan timbalan presiden baru bagi MCA. Dan bagi kita ini adalah MCA," katanya.

Perdana Menteri sebelum itu mengadakan pertemuan dengan Sultan Hassanah Bolkiah yang sedang melakukan lawatan tiga hari ke Pulau Pinang.

Ditanya sama ada Dr Ling akan dikekalkan sebagai Menteri Pengangkutan, Dr Mahathir berkata beliau akan memikirkan tentang kedudukan bekas presiden MCA itu dalam kabinetnya.

"Kita fikirlah tengok," kata beliau.

Menjawab soalan sama ada jalan penyelesaian terhadap kemelut kepemimpinan MCA itu benar-benar berkesan untuk merapatkan kembali barisan parti itu, Dr Mahathir berkata beliau berharap ia dapat mengukuhkan MCA.

"Harap ia bolehlah, tapi bagi kita, kita anggap ini sebagai masalah dalaman bagi MCA," katanya.

Ditanya adakah penyelesaian krisis MCA itu merintis jalan kepada pilihan raya umum diadakan lebih cepat dari tempohnya tahun depan, beliau berkata secara berseloroh: "Pilihan raya boleh dipercepatkan, kalau hendak cepat kita buat cepat, kalau nak lambat kita buat lambat."

Kepada soalan, sama ada BN sudah bersedia mengadakan pilihan raya selepas persaraan beliau, Dr Mahathir berkata ia terpulang kepada Perdana Menteri yang baru ketika itu iaitu timbalannya sekarang, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Bila saya berhenti, ia bukan lagi tanggungjawab saya, tanyalah Pak Lah, buat apa tanya saya." katanya.

-- BERNAMA

ZS RON